

# Hani Dan Umi

Raudzah Osman

**H**ani Nadia. Itulah nama yang diberikan apabila dia dilahirkan. Umi Haida lahir bersama. Satu tali pusat. Satu tembuni. Satu uri. Cahaya neon di wad bersalin Hospital Kandang Kerbau itu perlahan-lahan pudar pada pandangan mata Puan Hayati yang terlalu lemah setelah sepuluh jam bertarung nyawa. Sepuluh jam rasanya lebih lama daripada sepuluh tahun penantian untuk menerima kehadiran seorang cahaya mata yang mewarnai kehidupannya yang bergelar isteri.

“Tahniah, Puan Hayati. Awak hamil. Kandungan Puan sudah masuk minggu kesepuluh,” kata Doktor Patrick Lim, seorang pakar sakit puan. Itulah berita yang paling menggembirakan pasangan itu. Siang malam mereka berdoa agar hadir seorang puteri atau putera yang akan menyerikan mahligai impian yang telah sedekad mereka bina. Doa Puan Hayati dan suaminya, Tuan Zulkarnaen, akhirnya terkabul juga. Mereka bersyukur.

Sudah masuk tiga bulan kandungan Puan Hayati. Selalunya, ibu yang mengandung akan meningkat berat badannya. Namun, sebaliknya pula bagi Puan Hayati. Pipinya semakin cengkung. Tubuhnya susut. Tiada sedikit makanan pun yang tertelan olehnya. Setiap kali perutnya yang kosong diisi makanan, setiap kali itu jugalah segalanya akan dimuntahkan semula. Hampir setiap malam Puan Hayati tidak dapat melelapkan mata. Apabila celik, segala bayangan yang menyeramkan akan muncul di depan matanya, seolah-olah skrin yang memaparkan cerita-cerita seram. Apabila terlena seketika, tidurnya itu akan diganggu igauan-igauan ngeri.

Puan Hayati terpaksa dikejarkan ke hospital kerana kluatir akan kesihatannya. Doktor Lim terpaksa memasukkan cecair ke dalam tubuh Puan Hayati yang lemah longlai itu. Seminggu Puan Hayati ditahan di hospital. Kemudian, dia dibenarkan pulang setelah keadaannya stabil.

“Ati pasrah dan reda, Bang. Ati akan harungi apa jua ujian,” ujar Puan Hayati. Suaranya lemah tidak bermaya, namun, masih terukir senyuman pada bibirnya yang kering.

“Abang akan lalui pahit getir bersama Ati. Ati jangan bimbang, ya. Segalanya akan selamat,” balas Tuan Zulkarnaen, tidak terdaya menahan sebak. Tidak terdaya lagi membendung air mata yang mengalir ke pipinya.

Kandungannya kini berumur 5 bulan. Perkara yang sama berulang. Tiada selera makan, tidak lena tidur, mimpi ngeri. Seperti ulang tayang cerita seram dua bulan yang lalu. Kali ini, Puan Hayati mengalami pendarahan pula. Ke hospital lagi Puan Hayati selama seminggu.

Tidak sampai hati Tuan Zulkarnaen melihat keadaan isterinya yang tersayang. Tiada lagi keceriaan atau seri pada wajahnya. Tubuhnya seperti tinggal kulit dengan tulang sahaja. Namun, apakan daya isterinya itu tetap ingin meneruskan kandungannya walaupun trauma yang dialaminya itu tidak tertanggung. Itulah yang berlaku sebelum kandungan genap sembilan bulan, sebelum Hani dan Umi melihat cahaya bulan dan matahari.

Hani dan Umi membesar bermandikan kemewahan. Apa sahaja yang dihajati, esok lusa muncul di depan mata. Maklumlah, mereka ialah buah hati pengarang jantung, intan payung Puan Hayati dan Tuan Zulkarnean. Tuan Zulkarnaen tidak mahu Hani dan Umi menjamah keperitan hidup seperti mana yang pernah mereka lalui dahulu. Namun, Puan Hayati bimbang dengan cara didikan si suami. Apakan daya, sebagai isteri, dia turuti sahaja kehendak suami. Sesungguhnya, suami itu ialah syurganya. Hani dan Umi bak bidadari dalam syurganya.

“Mama, Umi nak anak patung Barbie tu!” jerit Umi sambil menghentak-hentakkan kaki apabila kemahuannya tidak dilayan oleh Puan Hayati.

“Sayang, dah banyak anak patung yang Papa belikan. Ah, lihat ni, buku Fairy Tale! Cantiknya rambut *Rapunzel* ni,” Puan Hayati cuba memujuk. Dia cuba mengalihkan minat Umi dan Hani kepada buku-buku pula memandangkan alam persekolahan mereka akan bermula pada tahun hadapan.

Hani mendiamkan diri. Perwatakan Umi dan Hani memang jauh berbeza. Laksana langit dengan bumi. Hani lemah lembut dan penyayang, selalu mengalah dan menyerah kalah. Umi berani, lantang, angkuh dan selalu ingin menang. Apa sahaja yang Hani miliki, pasti Umi juga ingin memilikinya. Baju, mainan, makanan. Pendek kata, segalanya! Jika tidak dapat apa yang

dihajatnya, dia akan memaksa Hani untuk mendapatkannya dalam apa juga keadaannya... Selalunya, Hani akan membiarkan sahaja Umi bersuara.

Apabila tiba di rumah petang itu, Umi langsung ke biliknya. Hani hanya membisu. Namun, ke mana sahaja Umi berada, di situlah Hani turut hadir di sisi. Umi memandang wajahnya yang bengis pada cermin. Apabila terpancang wajah Hani pada cermin, dia mengherdik, "Kau tak guna! Kau bodoh!"

Sebenarnya, Umi meradang kerana Hani berjaya memujuk Puan Hayati membelikan buku cerita, bukan anak patung Barbie yang diidamkannya itu. Desakan Umi bak bisikan yang hilang di angin lalu. Tidak diendahkan langsung oleh Puan Hayati. Kali ini Hani menang. Tetapi malam nanti Umi akan pastikan Hani mendapat balasannya. Hani tidak akan tidur dengan tenang.

Malam itu, Hani terjatuh dari katilnya. Puas hati Umi melihat kesan lebam pada kepala Hani yang terhentak agak kuat ke tembok bilik. "Hani jatuh katil, Ma." Itulah jawapan ringkas Hani apabila ditanya oleh Puan Hayati.

Enam tahun sudah berlalu. Hani dan Umi melangkah pula ke sekolah menengah. Alam remaja mereka bermula. Alam penuh dengan pancaroba. Dengan perwatakan Hani, memang tidak hairanlah dia disenangi rakan-rakan. Umi cemburu apabila melihat Hani mempunyai lebih ramai kawan. Setiap kali Umi cuba merapati kawan-kawan Hani, setiap kali pula mereka akan cuba menjauhkan diri.

"Kau ni peliklah!" kata-kata ini sering Umi dengar kini terpantul keluar dari bibir mereka.

"Kalau dengan Hani, semua suka, semua sanjung," rungut Umi penuh amarah.

Petang itu setelah pulang dari sekolah, Hani tertidur di atas sofa ruang tamu. Terlalu letih kerana sehari suntuk menghadiri sesi tarian. Tiba-tiba sahaja, rasa sakit yang amat sangat mengejutkannya dari alam mimpi. Alangkah terkejutnya Hani, apabila terlihat banyak darah pada pergelangan tangan kirinya!

“Mama! Darah! Darah!” seperti seseorang yang diserang histeria.

Dengan segera Puan Hayati melilitkan sehelai tuala ketat-ketat di bahagian yang luka itu. Puan Hayati bergegas membawa Hani ke hospital. Umi juga ikut sama. Puan Hayati hairan bagaimana perkara itu boleh terjadi sedangkan dia sendiri melihat Hani tidur lena di sofa.

“Ati tengok dia tidur jadi Ati takkejutkan dia, Bang. Ati terus pergi mandi, dalam sepuluh minit kemudian Ati dengar Hani terpekik-pekik,” suara Puan Hayati bergetar dalam tangisan apabila berbicara dengan suaminya di luar wad kecemasan.

Setelah pemeriksaan doktor, Hani ditahan di hospital untuk pemantauan lanjut. Selama lima hari Hani dalam pemantauan pakar psikologi. Selama lima hari itu juga Umi berada bersamanya. Sebenarnya Umi sengaja ingin melihat Hani menderita. Merana. Rasa cemburunya semakin hari semakin meluap-luap. Diburukkan lagi apabila Mama dan Papa memberikan sepenuh perhatian kepada Hani sejak kebelakangan ini. Memang Umi yang melakukan hal itu apabila Hani sedang lena kelmarin. Dia sempat mencapai pisau lipat yang ada di dalam kotak penselnya. Pisau itu digunakan untuk mata pelajaran seni lukisnya. Namun, hatinya masih belum puas. Luka pada pergelangan tangan itu belum cukup baginya.

Puan Hayati dan Tuan Zulkarnean mungkin tidak mengesyaki apa-apa. Mereka tidak menyoal atau menuduh Umi. Selama ini, mereka memang berlaku adil kepada Hani dan Umi. Bagi mereka, tiada perbezaan antara Hani dan Umi.

Hani dibenarkan pulang beberapa hari kemudian. Umi sempat mengintai perbualan antara Puan Hayati dan Tuan Zulkarnean dengan pakar psikologi di dalam sebuah bilik khas. Bilik itu bercermin. Umi dapat lihat dengan jelas apa yang berlaku. Dia cuba memasang telinga tetapi tidak mampu mendengar kerana bilik itu kalis bunyi. Umi perhatikan sahaja. Diperhatikannya Puan Hayati menangis tersedu-sedu.

“Apa kata Doktor, Ma? Hani sakit apa?” tanya Hani. Kebimbangan jelas terpancar pada wajahnya yang masih pucat lesi. Mujurlah Mama cepat bertindak, jika tidak, pasti dia kehilangan banyak darah dan mungkin nyawa Hani. Hani masih dalam trauma.

“Tiada apa-apa, Sayang. Hani perlu banyak rehat sahaja. Hani biasa-biasa saja, Hani masih normal....” tiba-tiba air mata mula merembes lagi ke pipi Puan Hayati sebelum dia sempat menghabiskan kata-katanya.

Sebenarnya, Hani perlu rawatan khas. Setiap tiga bulan sekali, Hani dibawa ke hospital untuk rawatan. Puan Hayati dan suaminya pula sering meluangkan masa bersama Hani. Dalam masa ini juga, Umi seolah-olah tidak wujud dalam kehidupan keluarga itu.

Dalam sekelip mata, alam remaja beralih ke alam dewasa. Hani dan Umi kini sudah meningkat dewasa. Jelita, anggun, bergaya serta tinggi lampai persis seorang peragawati.

Kini, Hani tidak lagi perlu menjalani rawatan. Dia sudah mengatasi traumanya. Sekurang-kurangnya, itulah yang diyakini Puan Hayati dan Tuan Zulkarnaen. Pastinya, mereka percaya bahawa Hani sudah pulih sepenuhnya. Namun, dendam lama tetap masih merah dan panas. Umi kini menampilkan sikap bencinya kepada Hani tanpa sekatan lagi.

Ketika itu Hani mula rapat dengan seorang pemuda yang sepejabat dengannya. Pada awalnya, segalanya kelihatan seperti biasa-biasa sahaja. Umi menganggap mereka bersahabat biasa sahaja sehinggalah pada suatu hari, Ikmal meluahkan rasa hatinya kepada Hani. Ada rasa cinta dalam hati Ikmal yang kini tercurah melalui kata-kata cinta yang amat menyakitkan hati Umi tatkala mendengarkannya.

Pada malam itu, selepas membersihkan diri, Hani bercermin seperti biasa. Memang sudah menjadi amalnya, sebelum tidur, harus sapukan krim pelembap muka dan lururkan krim pada kulitnya supaya kekal halus. Tiba-tiba, Umi muncul di hadapan cermin sambil bersuara, “Jadi, Ikmal tu betul-betul sukakan kau, Hani? Kau tak layak jadi teman hidup Ikmal!” tajam mata Umi memandang tepat pada Hani. Hani menjadi kecut dan gementar dengan kebengisan Umi.

Hari dan minggu berikutnya menyaksikan Hani yang berbeza daripada yang dahulu. Hani menjauhkan dirinya daripada Ikmal. Ikmal musykil akan perubahan Hani. Puas Ikmal cuba menghubungi Hani. Di pejabat juga Hani mengelakkan diri daripada bersemuka dengan Ikmal. Makan tengah harinya sering di dalam ruang pejabatnya yang dikunci rapat. Berat hati Hani untuk menjelaskan duduk

perkara sebenarnya kepada Ikmal. Biarlah itu menjadi rahsia dirinya. Demi keselamatan Ikmal, dia berkorban. Itu sahaja jalan yang sebaiknya.

Namun, lafaz sumpah yang Hani pegang untuk tidak bertemu Ikmal tidak dapat dia penuhi. Nalurnya tetap memerlukan kehadiran Ikmal. Ikmal merupakan orang yang dirindunya. Hani tahu bahawa perasaan cinta telah berputik dalam hatinya. Dia memutuskan untuk bertemu dengan Ikmal. Dia ingin berterus terang dengan Ikmal. Hani tahu bahawa dia harus memberanikan diri. Tidak mungkin dia akan terus berselindung di sebalik bayang-bayang Umi.

“Hani, Mal dah fikir masak-masak, Mal ingin jadikan Hani isteri Mal. Hani sudikah?” Hani tersipu-sipu, tunduk ke arah lantai sambil mengukirkan senyuman. Tanda setuju. Hilang niatnya untuk berterus terang kepada Ikmal tentang Umi. Senyuman kasih yang menguntum dalam hati Hani telah menyemarakkan api semarak yang panas pada diri Umi. Umi merencana untuk menggagalkan kebahagiaan yang baru hendak bertapak itu.

Pada suatu malam, kedengaran suara Umi dari dalam kamar. Suara yang lantang dan cukup menggerunkan itu menjadi amaran keras kepada Hani. Hani hanya memandang wajahnya sendiri pada cermin. Seperti yang sudah dijangkakan, Umi menghamburkan kata-kata cemburu kepada Hani. Dia juga ingin menagih cinta Ikmal. Sayangnya, Ikmal langsung tidak menghiraukan kehadiran Umi yang cuba menarik perhatiannya setiap kali Ikmal berkunjung ke rumah mereka. Namun, setiap usaha Umi menemui kegagalan.

Ikmal tidak membuang masa bagi mencapai hasrat murninya. Rombongan pihak lelaki bertandang ke rumah Hani untuk menyampaikan hasrat Ikmal itu. Puan Hayati dan Tuan Zulkarnean tidak menjangkakan perkara ini akan berlaku terlalu awal. Mereka memandang satu sama lain. Peminangan ini begitu mendadak pada mereka. Begitu mengejutkan. Mereka dalam dilema. Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa.

“Hani berhak untuk hidup bahagia. Abang berjanji tidak akan biarkan anak kita melalui sebarang penderitaan, Ati, faham, bukan?” tegas kata-kata Tuan Zulkarnean. Dengan itu, mereka menerima lamaran Ikmal.

Sebulan kemudian, Hani dan Ikmal diijabkabulkan dalam majlis yang sederhana. Jemputan terdiri daripada saudara-mara terdekat dan sahabat

karib Hani sahaja. Setelah selamat disatukan kedua-dua insan itu, suasana rumah Hani kembali tenang. Pada malam persandingan itu juga, ketenangan terusik oleh satu laungan suara. Suara Ikmal menyedarkan semua yang baru hendak terlelap.

“Hani! Hani! Bangun! Hani, jangan tinggalkan Mal! Hani kenapa, Hani?!“ dirangkulnya tubuh Hani yang terkulai layu di atas katil perkahwinan mereka. Ikmal melepaskan tali yang mencerut leher Hani. Dalam sekelip mata semuanya sudah berubah. Dalam sekelip mata Hani yang baru hendak memulakan hidup baharu, kini telah terkulai layu di pangkuan Ikmal. Ikmal hanya dapat menyalahkan dirinya kerana meninggalkan Hani hanya seminit dua sahaja untuk ke dapur mengambil air minuman.

“Hani haus Mal, tolong ambikan Hani air,” itulah kata-kata terakhir yang Ikmal dengar dari mulut isterinya. Isterinya selama beberapa jam sahaja.

Tuan Zulkarnean memeluk erat isterinya yang hampir rebah kerana tidak dapat menerima apa yang berlaku kepada anak tunggal mereka itu. Apa yang dapat mereka tatap sekarang ialah sijil perkahwinan Hani dan Ikmal yang masih dalam genggaman erat Hani. Tertera: “Hani Nadia Bte Zulkarnaen.” Satu-satunya anak mereka.

Hani dan Umi telah menjadi satu titik hitam dalam sejarah keluarga ini.

### **Perbendaharaan Kata**

- membendung - menahan / menyekat sesuatu
- mencengkung - menjadi lekuk (pada pipi, mata)
- mencerut - mengikat (mengecut, membelit) di sekeliling sesuatu kuat-kuat
- menyinga - menjadi sangat marah
- pancaroba - cabaran, dugaan hidup
- pasrah - berserah kepada Tuhan
- pemantauan - perbuatan mengawasi tindakan supaya sesuatu berjalan lancar
- pendarahan - pengeluaran darah dari tubuh
- pengarang jantung - buah hati, orang yang sangat dikasihi
- terkabul - terlaksana, tercapai

